



**BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PENGKOMPAUNAN KESALAHAN DI
BAWAH AKTA RACUN 1952 DAN
PERATURAN-PERATURANNYA**

Bahagian Penguatuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7841 3200
Laman web: <http://www.pharmacy.gov.my>

Tarikh Kelulusan	10 Mei 2024
Tarikh Penguatuasaan	1 Julai 2024

© Bahagian Penguatuasaan Farmasi 2024
Sebarang salinan dan cetakan semula
untuk tujuan komersil adalah dilarang dan
hanya dibenarkan untuk rujukan
Bahagian Penguatuasaan Farmasi dan
Cawangan Penguatuasaan Farmasi.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	I
VISI, MISI, OBJEKTIF PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI	II
OBJEKTIF BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI	III
SENARAI SINGKATAN	IV
GLOSARI	V
1.0 PENGENALAN	1
2.0 OBJEKTIF	3
3.0 SKOP	3
4.0 UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN	3
5.0 PEGAWAI PENGUAT KUASA DADAH YANG DILANTIK	3
6.0 TATACARA MENGKOMPAUN	4
6.1 Pengesyoran pengkompaunan kesalahan.....	4
6.2 Permohonan keizinan untuk mengkompaun kesalahan	6
6.3 Pengeluaran tawaran untuk mengkompaun kesalahan	6
6.4 Penyampaian tawaran untuk mengkompaun kesalahan	7
6.5 Rayuan terhadap pengkompaunan kesalahan	9
6.6 Penyetujuterimaan kompaun dan pembayaran kompaun.....	11
6.7 Pembatalan tawaran untuk mengkompaun kesalahan dan pendakwaan	14
7.0 CARTA ALIR TATACARA PENGKOMPAUNAN KESALAHAN	15
8.0 LAMPIRAN	20
8.1 Senarai kesalahan yang boleh dikompaun	20
8.2 Jadual Penetapan Amaun Kompaun	28
8.3 Keizinan untuk mengkompaun kesalahan (Borang 1)	29
8.3.1 Contoh Borang 1	30
8.4 Tawaran untuk mengkompaun kesalahan (Borang 2)	31

8.4.1	Contoh Borang 2	33
8.5	Makluman cara pembayaran kompaun.....	36
8.6	Penyetujuterimaan tawaran untuk mengkompaun kesalahan (Borang 3)	37
8.6.1	Contoh Borang 3	39
8.7	Pengakuan penerimaan Borang 2	41
8.8	Contoh borang akuan penyampaian Borang 2	42
8.8.1	OKK atau individu bagi pihak OKK tidak dijumpai	42
8.8.2	OKK atau individu bagi pihak OKK enggan terima Borang 2	45
8.9	Surat pemberitahuan keputusan rayuan kompaun (kelulusan)	48
8.10	Surat pemberitahuan keputusan rayuan kompaun (penolakan)	49

PENGHARGAAN

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai daripada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi dan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan garis panduan ini.

VISI, MISI, OBJEKTIF PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI

VISI

Meningkatkan kesihatan rakyat menerusi kecemerlangan dalam amalan farmasi.

MISI

Menguatkuasakan undang-undang dan memperbaharui polisi untuk memastikan produk dan perkhidmatan farmaseutikal adalah berkualiti.

Memastikan sistem organisasi yang efektif dan responsif ke arah kelestarian perkhidmatan berkualiti.

Membina keupayaan dan profesionalisme menerusi pembangunan bakat dan pemberkasaan tenaga kerja.

Memperhebat kerjasama ke arah mencapai piawaian dan amalan terbaik.

OBJEKTIF

Memastikan semua keluaran farmaseutikal dan produk penjagaan kesihatan yang berada di pasaran adalah berkualiti, selamat, berkesan dan dikawal mengikut undang-undang yang berkaitan serta digunakan secara rasional.

OBJEKTIF BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI

OBJEKTIF

Memastikan penjualan, pembekalan, pemilikan dan pengiklanan substans, produk dan kosmetik mematuhi peruntukan undang-undang bagi melindungi rakyat.

Memastikan undang-undang selaras dengan polisi dan dasar kerajaan semasa melalui proses semakan dan gubalan undang-undang.

SENARAI SINGKATAN

BPF	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
CPF	Cawangan Penguatkuasaan Farmasi
IO	Pegawai penyiasat (<i>Investigating officer</i>)
IP	Kertas penyiasatan (<i>Investigation paper</i>)
KCPF	Ketua Cawangan Penguatkuasaan Farmasi
KPK	Ketua Pengarah Kesihatan
KSSP	Ketua Seksyen Siasatan dan Pendakwaan
OKK	Orang kena kompaun
PDL	Pegawai Penguat Kuasa Dadah yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kesihatan
TPR	Timbalan Pendakwa Raya
TP(U)	Timbalan Pengarah, Cawangan Perundungan

GLOSARI

Pegawai Penguat Kuasa Dadah	Ahli farmasi berdaftar dalam perkhidmatan awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pegawai Pelesenan di bawah subseksyen 31(1) Akta Racun 1952.
Pegawai Penguat Kuasa Dadah yang dilantik	Pegawai Penguat Kuasa Dadah yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kesihatan di bawah subseksyen 32A(2) Akta Racun 1952.
Borang 1	Borang Keizinan untuk mengkompaun kesalahan dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Racun (Pengkompaunan Kesalahan) 2023.
Borang 2	Borang Tawaran untuk mengkompaun kesalahan dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Racun (Pengkompaunan Kesalahan) 2023.
Borang 3	Borang Penyetujuterimaan tawaran untuk mengkompaun kesalahan dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Racun (Pengkompaunan Kesalahan) 2023.
Daftar Pengkompaunan Kesalahan	Daftar dalam sistem pangkalan data yang digunakan untuk merekodkan butiran kes pengkompaunan kesalahan.
Kertas penyiasatan (<i>Investigation paper</i>)	Satu set dokumen yang dikumpul atau disediakan oleh pegawai penyiasat bagi tujuan pembuktian kes di mahkamah atau pengkompaunan kesalahan.
Kesalahan yang boleh dikompaun (<i>Compoundable offence</i>)	Kesalahan-kesalahan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Racun (Pengkompaunan Kesalahan) 2023.
Ketua jabatan	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)/ Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM.
Pegawai penyiasat (<i>Investigating officer</i>)	Pegawai yang diberi kuasa menyiasat sesuatu kes di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan.

Sistem pangkalan data	Sistem pangkalan data yang digunakan bagi menyimpan data-data berkaitan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan farmasi.
Slip jualan	Slip yang dijana daripada terminal <i>Point-of-Sale</i> selepas berlakunya transaksi kad debit/kredit/caj.

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGKOMPAUNAN
KESALAHAN DI BAWAH AKTA RACUN 1952 DAN
PERATURAN-PERATURANNYA**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Pengkompaunan kesalahan merupakan satu mekanisme penguatkuasaan yang membolehkan seseorang yang didapati melakukan kesalahan ditawarkan untuk membayar satu amaun kompaun yang ditetapkan sebagai ganti kepada tindakan pendakwaan di mahkamah. Mekanisme ini bukan sahaja dapat mempercepatkan proses penyelesaian kes, malahan dapat menjimatkan kos pendakwaan.
- 1.2 Seksyen 32A Akta Racun 1952 [Akta 366] ini memperuntukkan bahawa:
 - (a) Menteri, dengan kebenaran Pendakwa Raya, boleh membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun serta kaedah dan tatacara mengkompaun kesalahan.
 - (b) Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) atau Pegawai Penguin Kuasa Dadah yang dilantik oleh KPK (PDL), dengan izin bertulis daripada Pendakwa Raya, boleh mengkompaun kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dengan mengeluarkan suatu tawaran bertulis kepada orang kena kompaun (OKK). OKK boleh membayar kepada KPK suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu untuk menyelesaikan kompaun tersebut.

- (c) Suatu tawaran boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.
- (d) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh KPK, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap OKK.
- (e) Jika suatu kesalahan telah dikompaun, tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap OKK.
- (f) Apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilucutkan hak, dimusnahkan atau dilepaskan oleh KPK tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh beliau.

1.3 Peraturan-Peraturan Racun (Pengkompaunan Kesalahan) 2023 [P.U.(A) 402] telah diwartakan pada 28 Disember 2023 dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 seperti yang diperuntukkan di bawah subperaturan 1(2). Peraturan ini telah menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun serta kaedah dan tatacara pelaksanaan pengkompaunan kesalahan.

2.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini memberi panduan kepada semua Pegawai Penguat Kuasa Dadah bagi memastikan tindakan pengkompaunan kesalahan dilaksanakan secara seragam mengikut peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan dan polisi yang ditetapkan.

3.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua aktiviti pengkompaunan kesalahan di bawah Akta 366 dan Peraturan-peraturannya yang dilaksanakan oleh Pegawai Penguat Kuasa Dadah.

4.0 UNDANG-UNDANG YANG DIKUATKUASAKAN

- 4.1 Akta Racun 1952 [Akta 366]
- 4.2 Peraturan-Peraturan Racun 1952
- 4.3 Peraturan-Peraturan Racun (Sodium Hidroksida) 1962
- 4.4 Peraturan-Peraturan Racun (Pengkompaunan Kesalahan) 2023

5.0 PEGAWAI PENGUAT KUASA DADAH YANG DILANTIK

- 5.1 Bagi memudahkan urusan pengeluaran tawaran untuk mengkompaun kesalahan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) dan Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF), Pegawai Penguat Kuasa Dadah dari BPF dan CPF dilantik sebagai PDL.
- 5.2 Lantikan PDL hendaklah dibuat secara bertulis oleh KPK.

5.3 Pegawai Penguat Kuasa Dadah yang ditetapkan untuk menjadi PDL adalah seperti berikut:

- (a) Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
- (b) Timbalan Pengarah, Cawangan Perundangan [TP(U)]
- (c) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
- (d) Ketua Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (KCPF)

6.0 TATACARA MENGKOMPAUN

6.1 Pengesyoran pengkompaunan kesalahan

- 6.1.1 Penyiasatan lengkap perlu dijalankan mengikut Garis Panduan Penyiasatan untuk Pegawai Penguat Kuasa Farmasi sebelum kes diputuskan untuk diteruskan dengan pendakwaan di mahkamah atau diselesaikan dengan pengkompaunan kesalahan.
- 6.1.2 Setelah penyiasatan lengkap, pegawai penyiasat (IO) perlu memastikan kesalahan yang disiasat merupakan kesalahan yang boleh dikompaun (Rujuk [Perkara 8.1](#)) sebelum merujuk kertas penyiasatan (IP) kepada Ketua Seksyen Siasatan dan Pendakwaan (KSSP) untuk mendapatkan arahan tindakan pengkompaunan kesalahan.
- 6.1.3 Sekiranya KSSP berpendapat tindakan pengkompaunan kesalahan boleh disyorkan, KSSP minitkan untuk merujuk IP kepada Ketua Jabatan/TP(U)/KCPF bagi mendapatkan persetujuan.

6.1.4 Pengesyoran tindakan pengkompaunan kesalahan adalah bergantung kepada justifikasi dan pertimbangan Ketua Jabatan/TP(U)/KCPF serta Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

6.1.5 Kriteria yang boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan/TP(U)/KCPF termasuk:

- (a) Nilai rampasan yang rendah (contoh: kurang daripada RM1000).
- (b) Sikap pesalah yang positif seperti menunjukkan keinsafan atau sudi bekerjasama dengan pihak penguat kuasa.
- (c) Kesalahan yang berlaku bukan kesalahan serius atau pesalah tidak mempunyai rekod kesalahan lampau serius (contoh: kesalahan melibatkan pemesongan bahan terkawal, kesalahan yang menjaskankan keamanan dan keharmonian masyarakat).
- (d) Tawaran kompaun dapat memberikan keadilan dan memelihara kepentingan awam secara keseluruhan.

6.1.6 Walau bagaimanapun, **kriteria yang dicadangkan pada perkara**

6.1.5 adalah TIDAK MUKTAMAD. Kriteria lain boleh dipertimbangkan dalam membuat keputusan untuk menawarkan kompaun berdasarkan kebijaksanaan Ketua Jabatan/TP(U)/KCPF dan situasi setiap kes bagi memastikan keadilan serta kesaksamaan terpelihara.

- 6.1.7 Sekiranya tindakan pengkompaunan kesalahan dipersetujui, Ketua Jabatan/TP(U)/KCPF minitkan untuk merujuk IP kepada TPR bagi memohon keizinan untuk mengkompaun kesalahan bersama cadangan amaun kompaun mengikut ketetapan dalam [**Jadual Penetapan Amaun Kompaun \(Perkara 8.2\)**](#).
- 6.1.8 Sekiranya tindakan pengkompaunan kesalahan tidak dipersetujui, IO perlu mengambil tindakan lanjut seperti yang diarahkan oleh Ketua Jabatan/TP(U)/KCPF.

6.2 Permohonan keizinan untuk mengkompaun kesalahan

- 6.2.1 Sekiranya tindakan pengkompaunan kesalahan dipersetujui oleh Ketua Jabatan/TP(U)/KCPF, IO perlu merujuk IP kepada TPR untuk mendapat keizinan untuk mengkompaun kesalahan pada [**Borang 1 \(Perkara 8.3\)**](#).
- 6.2.2 Sekiranya TPR tidak bersetuju dengan tindakan pengkompaunan kesalahan, IO perlu mengambil tindakan lanjut seperti yang diarahkan oleh TPR.

6.3 Pengeluaran tawaran untuk mengkompaun kesalahan

- 6.3.1 Sekiranya TPR bersetuju dengan tindakan pengkompaunan kesalahan, IO sediakan [**Borang 2 \(Perkara 8.4\)**](#) dan kemukakan bersama IP kepada PDL dalam **tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keizinan TPR** untuk dapatkan tandatangan PDL pada Borang 2.
- 6.3.2 Borang 2 perlu disediakan berasingan mengikut kesalahan bagi setiap OKK yang terlibat.

6.3.3 Satu Borang 2 hanya boleh dikeluarkan bagi tawaran untuk mengkompaun satu OKK bagi satu kesalahan sahaja.

- (a) Sekiranya OKK melakukan lebih daripada satu kesalahan, Borang 2 yang berasingan perlu dikeluarkan.
- (b) Sekiranya kesalahan yang sama dilakukan oleh lebih daripada satu OKK, Borang 2 yang berasingan perlu dikeluarkan bagi setiap OKK.

6.3.4 Setiap Borang 2 perlu disediakan dalam **dua (2) salinan untuk ditandatangani oleh PDL.**

6.3.5 IO hendaklah merekodkan butiran tawaran untuk mengkompaun kesalahan yang dikeluarkan dalam Daftar Pengkompaunan Kesalahan dan pastikan status kompaun sentiasa dikemas kini.

6.4 Penyampaian tawaran untuk mengkompaun kesalahan

6.4.1 Borang 2 perlu disampaikan oleh IO atau orang yang diarahkan oleh IO kepada OKK dalam tempoh **tiga puluh (30) hari dari tarikh Borang 2.**

6.4.2 Tempoh sah tawaran untuk mengkompaun kesalahan adalah selama **tiga puluh (30) hari dari tarikh OKK menerima Borang 2.**

Contoh pengiraan tempoh sah tawaran:

Borang 2 diserahkan kepada OKK/individu bagi pihak OKK atau secara tampal/tinggal pada 1hb Julai, maka tawaran berkenaan adalah sah sehingga 31hb Julai.

- 6.4.3 Dokumen tambahan yang perlu diserahkan kepada OKK bersama Borang 2 termasuk:
- (a) **Makluman cara pembayaran kompaun (Perkara 8.5)**
 - (b) **Borang 3 (Perkara 8.6)**
- 6.4.4 OKK/penerima Borang 2 dikehendaki untuk menandatangani **pengakuan penerimaan Borang 2 (Perkara 8.7)**.
- 6.4.5 Penyampaian sebaik-baiknya dilaksanakan secara serahan tangan kepada OKK sendiri di alamat terakhir yang diketahui.
- 6.4.6 Sekiranya OKK individu tidak dapat dijumpai setelah segala usaha carian dibuat, Borang 2 boleh diserahkan kepada mana-mana orang dewasa ahli keluarganya atau pekerja/orang gaji yang tinggal bersama-sama.
- 6.4.7 Dalam keadaan OKK individu tidak dapat dijumpai setelah segala usaha carian dibuat dan penyerahan seperti di perkara 6.4.6 tidak dapat dilaksanakan, Borang 2 boleh disampaikan secara tampal di tempat yang mudah dilihat seperti di rumah atau premis lain yang OKK kebiasaannya berada. Gambar Borang 2 yang ditampal hendaklah dirakam dan borang akuan penyampaian Borang 2 dibuat di hadapan Pesuruhjaya Sumpah sebagai bukti penyampaian (Rujuk [Perkara 8.8.1](#) untuk contoh borang akuan penyampaian Borang 2).
- 6.4.8 Bagi OKK yang merupakan sebuah syarikat/perbadanan, Borang 2 boleh diserahkan kepada pengarah, setiausaha atau pekerja syarikat/perbadanan berkenaan.

- 6.4.9 Sekiranya Borang 2 enggan diterima atau pengakuan penerimaan Borang 2 enggan ditandatangani oleh OKK atau individu bagi pihak OKK, pegawai penyerah boleh meninggalkan Borang 2 serta memaklumkan kandungan dan tujuan penyampaian Borang 2 kepada OKK, diikuti dengan membuat borang akuan penyampaian Borang 2 di hadapan Pesuruhjaya Sumpah (Rujuk [Perkara 8.8.2](#) untuk contoh borang akuan penyampaian Borang 2).
- 6.4.10 Sekiranya OKK gagal dikesan dalam tempoh **tiga puluh (30) hari dari tarikh Borang 2 dikeluarkan**, IO perlu rujuk kes kepada KSSP dan Ketua Jabatan/TP(U)/KCPF untuk arahan lanjut sama ada:
- (a) Tawaran masih ingin dikekalkan dan usaha carian OKK diteruskan; atau
 - (b) Kes dirujuk kepada TPR untuk persetujuan penutupan IP tanpa tindakan lanjut (NFA).

6.5 Rayuan terhadap pengkompaunan kesalahan

- 6.5.1 Rayuan secara bertulis hendaklah dikemukakan dalam tempoh sah tawaran untuk mengkompaun kesalahan ke alamat pejabat BPF atau CPF yang dinyatakan dalam Borang 2.
- 6.5.2 Rayuan untuk lanjutan tempoh bayaran kompaun **BOLEH DIPERTIMBANGKAN** untuk **SEKALI SAHAJA** dengan lanjutan tempoh selama **tiga puluh (30) hari dari tarikh akhir tempoh sah tawaran untuk mengkompaun kesalahan**.

Contoh pengiraan lanjutan tempoh bayaran kompaun:

Tawaran untuk mengkompaun kesalahan sah sehingga 31hb Julai, maka tempoh bayaran kompaun boleh dilanjutkan sehingga 30 Ogos.

- 6.5.3 Rayuan untuk pengurangan amaun kompaun **TIDAK BOLEH DIPERTIMBANGKAN.**
- 6.5.4 Keputusan rayuan perlu dimaklumkan kepada OKK melalui [surat pemberitahuan keputusan rayuan terhadap pengkompaunan kesalahan \(kelulusan\) \(Perkara 8.10\)](#) atau [surat pemberitahuan keputusan rayuan terhadap pengkompaunan kesalahan \(penolakan\) \(Perkara 8.11\)](#) sebaik-baiknya dalam **tempoh tiga (3) hari dari tarikh penerimaan surat rayuan.**
- 6.5.5 Sekiranya OKK mengemukakan rayuan terus ke Pejabat KPK, BPF perlu memaklumkan Pejabat KPK berhubung dengan penetapan pada perkara 6.5.2 hingga 6.5.3.
- 6.5.6 Sebarang keputusan yang dibuat oleh KPK perlu dipanjangkan oleh BPF ke CPF berkenaan dalam **tempoh tiga (3) hari dari tarikh penerimaan keputusan tersebut.**
- 6.5.7 BPF/CPF wajar mematuhi keputusan KPK.
- 6.5.8 Keputusan KPK perlu dimaklumkan kepada OKK mengikut tatacara pada perkara 6.5.4.
- 6.5.9 IO tidak perlu menyediakan Borang 2 yang baharu sekiranya rayuan OKK diluluskan.

6.5.10 Pembayaran kompaun hendaklah berdasarkan kepada keputusan dalam surat pemberitahuan keputusan rayuan terhadap pengkompaunan kesalahan (kelulusan) yang dikeluarkan kepada OKK.

6.6 Penyetujuterimaan kompaun dan pembayaran kompaun

6.6.1 IO sebaiknya menghubungi OKK untuk mendapatkan status sama ada OKK setuju untuk dikompaun atau sebaliknya.

6.6.2 Borang 3 yang dilengkапkan bersama bayaran kompaun perlu diperoleh daripada OKK sebagai bukti OKK setuju terima tawaran untuk mengkompaun kesalahan dan penyelesaian kompaun oleh OKK.

6.6.3 Kaedah pembayaran kompaun yang ditetapkan dalam subperaturan 5(1) Peraturan-Peraturan Racun (Pengkompaunan Kesalahan) 2023 termasuk:

- (a) Melalui kad kredit/kad debit/kad caj; atau
- (b) Apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain. Contoh: Pembayaran secara elektronik melalui portal Kementerian atau Jabatan dengan menggunakan *financial process exchange* (FPX) sebagai *Payment Gateway*.

6.6.4 **Pembayaran kompaun secara ansuran tidak dibenarkan.**

6.6.5 Pengurusan terimaan bayaran kompaun perlu mematuhi arahan/pekeliling/garis panduan kewangan yang berkuat kuasa.

6.6.6 IO sebaik-baiknya hadir sewaktu OKK atau individu bagi pihak OKK membuat bayaran dengan menggunakan kad kredit/kad debit/kad caj di kaunter pembayaran.

- 6.6.7 Tanggungjawab IO di kaunter pembayaran:
- (a) memastikan tawaran untuk mengkompaun kesalahan masih sah;
 - (b) menyemak status kompaun dalam Daftar Pengkompaunan Kesalahan sebelum bayaran kompaun diterima untuk memastikan kompaun masih belum diselesaikan;
 - (c) menyemak dan memastikan Borang 3 yang dikembalikan adalah lengkap dan betul dengan tandatangan serta nama OKK (individu) atau pengarah bagi pihak OKK (syarikat) (Rujuk [Perkara 8.6](#) dan [Perkara 8.6.1](#) bagi penerangan cara pengisian Borang 3);
 - (d) mengemas kini status kompaun dalam Daftar Pengkompaunan Kesalahan selepas bayaran kompaun diterima.
- 6.6.8 Sekiranya IO tidak dapat hadir, mana-mana pegawai yang dipertanggungjawab perlu hadir bagi melaksanakan tugas pada perkara 6.6.7.
- 6.6.9 Hasil kutipan bayaran kompaun hendaklah dimasukkan di bawah kod akaun **H0176101 (bayaran-bayaran menyelesaikan tanpa perbicaraan)**.

6.6.10 IO perlu mendapatkan dokumen pembayaran kompaun pada hari pembayaran kompaun atau selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya, untuk difailkan dalam IP sebagai bukti penyelesaian kompaun.

Kaedah pembayaran	Dokumen Pembayaran Kompaun	
	Dokumen pembayaran	Borang 3
Kad kredit/kad debit/kad caj	<p>a) Salinan slip jualan (<i>merchant copy</i>)</p> <p>Nota: Salinan fotokopi digalakkan kerana cetakan pada slip jualan mudah pudar.</p> <p>b) Salinan Resit Rasmi manual (Kew. 38) atau elektronik daripada Sistem iGFMAS (Kew. 38E)</p>	<p>Borang 3 asal yang dilengkapkan dan ditandatangani oleh OKK</p> <p>Nota: Salinan imbas Borang 3 yang lengkap boleh di-e-melkan kepada IO pada hari yang sama atau selewat-lewatnya pada keesokan hari jika Borang 3 asal yang lengkap tidak dapat dikemukakan semasa pembayaran dibuat di kaunter.</p>
FPX	Salinan Resit Rasmi Elektronik yang dijana melalui sistem dalam portal Kementerian/Jabatan.	Salinan Borang 3 yang dijana melalui sistem dalam portal Kementerian/Jabatan.


6.6.11 IO rujuk IP kepada Ketua Jabatan/TP(U)/KCPF dan TPR untuk memaklumkan penyelesaian kompaun dan mendapatkan persetujuan penutupan fail IP dan pelupusan barang rampasan.


6.6.12 Penutupan fail IP dan pelupusan barang rampasan perlu dikendalikan mengikut Garis Panduan Penyiasatan untuk Pegawai Penguat Kuasa Farmasi dan Garis Panduan Pelupusan Barang Rampasan atau Ekshibit.


6.7 Pembatalan tawaran untuk mengkompaun kesalahan dan pendakwaan


- 6.7.1 Tawaran untuk mengkompaun kesalahan adalah terbatal sekiranya OKK gagal membuat bayaran kompaun sepenuhnya selepas tamat tempoh sah tawaran atau tempoh lanjutan.
- 6.7.2 Sekiranya tawaran untuk mengkompaun kesalahan terbatal, IO perlu rujuk IP kepada Ketua Jabatan/TP(U)/KCPF dan TPR bagi mendapatkan sanksi untuk mendakwa mengikut penetapan dalam Garis Panduan Penyiasatan untuk Pegawai Penguin Kuasa Farmasi supaya kes diteruskan dengan pendakwaan.


7.0 CARTA ALIR TATACARA PENGKOMPAUNAN KESALAHAN











8.0 LAMPIRAN

8.1 Senarai kesalahan yang boleh dikompaun

(A) Senarai kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Akta Racun 1952

Bil	Peruntukan Kesalahan	Peruntukan Pelanggaran*	Keterangan Kesalahan
1	Subseksyen 8(3)	Subseksyen 8(1)	Pengimportan racun bukan oleh orang yang berlesen.
2		Tiada	Pengimportan racun dengan tidak mematuhi terma dan syarat lesen/pengecualian.
3		Subperaturan 4(1)	Pengimportan racun melalui pos untuk kegunaan sendiri/ahli keluarga melebihi sekali dalam sebulan atau melebihi kuantiti penggunaan sebulan untuk satu individu.
4		Subseksyen 9(1)	Penjualan, pembekalan, penyimpanan, pemilikan atau penstoran racun yang bertentangan dengan Peraturan-peraturan berkaitan pemilikan, bekas, pembungkusan, pelabelan atau penstoran racun.
5		Peraturan 5	Penyimpanan racun dalam bekas yang tidak telap dan tidak tahan terhadap racun serta tidak dapat menghalang kebocoran.
6		Peraturan 6	Penyimpanan racun untuk tujuan penjualan secara borong atau runcit atau pendispensan yang tidak mengikuti keperluan peraturan ini.
7		Peraturan 7	Penyimpanan racun Bahagian II yang digunakan untuk tujuan industri, pertanian atau hortikultur berhampiran dengan makanan atau di rak yang tidak khas untuk tujuan itu.

Bil	Peruntukan Kesalahan	Peruntukan Pelanggaran*	Keterangan Kesalahan
8	Subseksyen 9(3)	Peraturan 9	Penyimpanan atau pemilikan racun dalam bekas atau dengan label yang tidak mengikuti keperluan peraturan ini secara umum.
9		Peraturan 10	Penjualan racun Bahagian I selain sebagai ubat dispens dengan label yang tidak mengikuti keperluan peraturan ini.
10		Peraturan 12	Penjualan atau pembekalan racun sebagai ubat dispens dengan label yang tidak mengikuti keperluan peraturan ini.
11		Peraturan 13	Penjualan atau pembekalan racun dalam bentuk <i>compressed gas</i> selain sebagai ubat dispens dengan label yang tidak mengikuti keperluan peraturan ini.
12		Subperaturan 24(3)	Pembekalan racun untuk kegunaan dalam institusi dengan label yang tidak mengikuti keperluan subperaturan ini.
13	Perenggan 13(a)	Tiada	Pemilikan atau penyimpanan racun untuk tujuan jualan oleh orang yang tidak berlesen atau tidak diberi kuasa (<i>authorize</i>) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 18.
14	Perenggan 13(b)	Tiada	Penjualan atau pembekalan racun dengan tidak mematuhi terma dan syarat lesen.
15		Subseksyen 18(1)	Penjualan atau pembekalan racun Bahagian I oleh orang yang tidak diberi kuasa di bawah subseksyen 18(1).
16		Seksyen 20	Penjualan atau pembekalan racun Kumpulan A secara borong atau runcit oleh pemborong yang tidak berlesen atau kepada orang yang tidak disenaraikan di bawah seksyen ini.

Bil	Peruntukan Kesalahan	Peruntukan Pelanggaran*	Keterangan Kesalahan
17	Perenggan 13(b)	Subseksyen 21(1)	Penjualan atau pembekalan racun Kumpulan B secara runcit oleh orang yang tidak disenaraikan di bawah subseksyen ini.
18		Perenggan 21(1)(b)	Penjualan atau pembekalan racun Kumpulan B secara runcit oleh pengamal berdaftar bukan untuk tujuan rawatan perubatan/pergigian/ haiwan seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 19(1).
19		Perenggan 21(1)(c)	Penjualan atau pembekalan racun Kumpulan B secara runcit oleh ahli farmasi berdaftar bukan sebagai ubat dispens dan tanpa preskripsi.
20		Subseksyen 21(3)	Penjualan atau pembekalan secara runcit racun Kumpulan B berpandukan preskripsi yang tidak mengikuti keperluan subseksyen 21(1) atau melanggar subseksyen 21(5).
		Subseksyen 21(3)	Penjualan atau pembekalan secara runcit racun Kumpulan B yang tidak mematuhi terma preskripsi.
21		Perenggan 22(b)	Penjualan atau pembekalan racun Kumpulan C secara runcit bukan sebagai ubat dispens.
22		Perenggan 23(1)(b)	Penjualan racun Kumpulan D oleh ahli farmasi berdaftar kepada orang yang tidak dikenali.
23	Subseksyen 15(2A)	Tiada	Pembelian racun oleh orang yang dirujuk di bawah perenggan 15(2)(a), (c), (d), (e), (f), (g) or (k) daripada pemberong yang tidak berlesen.
24	Subsesyen 15(5)	Tiada	Kegagalan atau keabaihan pembeli untuk memberikan pesanan bertulis yang ditandatangani olehnya berkaitan pembelian racun secara borong kepada pembekal dalam tempoh tujuh (7) hari seperti yang

Bil	Peruntukan Kesalahan	Peruntukan Pelanggaran*	Keterangan Kesalahan
			diperuntukkan di bawah subseksyen 15(4).
25	Subseksyen 15(7)	Subseksyen 15(1)	Penjualan racun secara borong bukan oleh pemberong berlesen.
26		Subseksyen 15(1)	Penjualan racun secara borong dengan tidak mematuhi terma dan syarat lesen.
27		Subseksyen 15(2)	Penjualan racun secara borong oleh pemberong berlesen kepada orang yang tidak disenaraikan di bawah subseksyen ini.
28		Subseksyen 15(3)	Penghantaran racun yang dijual secara borong tanpa merekod penjualan berkenaan dalam daftar mengikut format yang ditetapkan sebelum penghantaran racun.
29			Penghantaran racun yang dijual secara borong tanpa merekod dalam daftar butiran lengkap berkaitan penjualan berkenaan dan rujukan kepada pesanan bertulis berkaitan penjualan racun bagi entri tersebut sebelum penghantaran racun.
30			Penghantaran racun yang dijual secara borong tanpa mendapatkan tandatangan pembeli dalam daftar atau memperoleh pesanan bertulis berkaitan penjualan berkenaan yang mengandungi semua butiran seperti yang dikehendaki di bawah perenggan 15(3)(a) dan ditandatangani oleh pembeli sebelum penghantaran racun.
31		Subseksyen 15(3)	Penghantaran racun yang dijual secara borong tanpa menyimpan pesanan bertulis berkaitan penjualan berkenaan sebelum penghantaran racun.
32	Subseksyen 16(5)	Subseksyen 16(1)	Penjualan racun secara runcit bukan oleh ahli farmasi berdaftar atau orang yang berlesen.

Bil	Peruntukan Kesalahan	Peruntukan Pelanggaran*	Keterangan Kesalahan
33			Penjualan racun secara runcit dengan tidak mematuhi terma dan syarat lesen.
34		Subseksyen 16(2)	Penjualan racun secara runcit bukan di premis atau dari premis yang dinyatakan dalam lesen.
35		Subseksyen 16(3)	Penjualan racun secara runcit tanpa pengawasan peribadi secara langsung oleh ahli farmasi berdaftar atau orang yang berlesen.
36	Subseksyen 17(2)	Subseksyen 17(1)	Penjualan atau pembekalan racun kepada orang yang berumur di bawah 18 tahun bukan untuk tujuan rawatan perubatan/pergigian.
37	Subseksyen 19(4)	Tiada	Penjualan atau pembekalan racun oleh pengamal berdaftar yang tidak disediakan olehnya atau di bawah pengawasan peribadi secara langsung olehnya.
38	Subseksyen 21(7)	Tiada	Penjualan atau pembekalan racun Kumpulan B dengan tidak mengendors pada preskripsi seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 21(4).
39		Tiada	Penulisan preskripsi menggunakan kod atau yang tidak mengikuti keperluan subseksyen 21(5).
40		Tiada	Kegagalan penjual atau pembekal racun Kumpulan B untuk mendapatkan preskripsi dalam tempoh satu (1) hari seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 21(6).
41		Tiada	Kegagalan orang yang mempreskrib racun Kumpulan B untuk menghantar preskripsi dalam tempoh satu (1) hari seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 21(6).
42	Subseksyen 23(4)	Tiada	Kegagalan atau keabaian pembeli untuk memberikan pesanan bertulis yang ditandatangani olehnya

Bil	Peruntukan Kesalahan	Peruntukan Pelanggaran*	Keterangan Kesalahan
			berkaitan pembelian racun Kumpulan D secara runcit kepada pembekal dalam tempoh tujuh (7) hari seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 23(3).
43	Subseksyen 23(5)	Subseksyen 23(2)	Penghantaran racun Kumpulan D yang dijual secara runcit, selain sebagai ubat dispens, tanpa merekod penjualan berkenaan dalam Buku Racun mengikut format yang ditetapkan sebelum penghantaran racun.
44			Penghantaran racun Kumpulan D yang dijual secara runcit tanpa merekod dalam Buku Racun butiran lengkap berkaitan penjualan berkenaan dan rujukan kepada pesanan bertulis berkaitan penjualan racun bagi entri tersebut sebelum penghantaran racun.
45			Penghantaran racun Kumpulan D yang dijual secara runcit tanpa mendapatkan tandatangan pembeli dalam Buku Racun atau memperoleh pesanan bertulis berkaitan penjualan berkenaan yang mengandungi semua butiran yang dikehendaki dalam Buku Racun dan ditandatangani oleh pembeli sebelum penghantaran racun.
46			Penghantaran racun Kumpulan D yang dijual secara runcit tanpa menyimpan pesanan bertulis berkaitan penjualan berkenaan sebelum penghantaran racun.
47	Subseksyen 25(3)	Subseksyen 25(1)	Penjualan atau pembekalan racun Bahagian II yang tidak mengikut Akta 366 dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.
48		Subseksyen 25(2)	Penjualan racun arsenik atau merkuri bukan kepada orang yang terlibat dalam aktiviti yang

Bil	Peruntukan Kesalahan	Peruntukan Pelanggaran*	Keterangan Kesalahan
			disenaraikan di bawah subseksyen ini atau bukan untuk tujuan aktiviti tersebut.
49		Peraturan 11	Penjualan racun Bahagian II selain sebagai ubat dispens untuk tujuan penjualan dengan label yang tidak mengikuti keperluan peraturan ini.
50	Subseksyen 26(7)	Tiada	Pelanggaran terma dan syarat lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 26.
51	Subseksyen 26A(3)	Tiada	Kegagalan untuk mematuhi direktif yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan di bawah subseksyen 26A(1).
52	Subseksyen 32(1)	Tiada	Kegagalan untuk menyimpan daftar seperti yang dikehendaki di bawah Akta 366 atau Peraturan-peraturannya.
53			Kegagalan untuk merekod maklumat yang dikehendaki ke dalam daftar.
54			Perekodan apa apa catatan yang diketahui palsu atau dipercayai tidak benar dalam daftar secara sedar atau melulu.

*Peruntukan pelanggaran di bawah Akta Racun 1952 dan Peraturan-Peraturan Racun 1952.

(B) Senarai kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Peraturan-Peraturan Racun (Natrium Hidroksida) 1962

Bil	Peruntukan Kesalahan	Peruntukan Pelanggaran	Keterangan Kesalahan
1	Perenggan 3(a)	Tiada	Penjualan sodium hidroksida kepada pembeli yang tidak memegang permit untuk membelinya.
2	Perenggan 3(b)	Tiada	Pembelian sodium hidroksida daripada penjual yang tidak memegang lesen untuk menjualnya.
3	Peraturan 7	Peraturan 5	Kegagalan penjual sodium hidroksida merekod dalam Daftar Racun butiran yang dikehendaki di bawah peraturan ini.
4			Kegagalan penjual sodium hidroksida merekod pada bahagian belakang permit yang dikemukakan oleh pembeli butiran yang dikehendaki di bawah peraturan ini.
5		Peraturan 6	Kegagalan penjual sodium hidroksida untuk mengambil permit yang telah mencapai jumlah kuantiti yang dinyatakan dalam permit dan memulangkan permit berkenaan kepada Pegawai Pelesenan.

8.2 Jadual Penetapan Amaun Kompaun

Bil	Kesalahan	Kategori OKK	Amaun Kompaun
1	Kesalahan berkaitan rekod yang dikenakan hukuman di bawah subseksyen 32(1) Akta 366.	Individu	RM 500.00
		Syarikat / Perbadanan	RM 1,000.00
2	Kesalahan lain yang dikenakan hukuman di bawah subseksyen 32(2) Akta 366.	Individu	RM 2,500.00
		Syarikat / Perbadanan	RM 10,000.00

8.3 Keizinan untuk mengkompaun kesalahan (Borang 1)

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA RACUN 1952

PERATURAN-PERATURAN RACUN(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

KEIZINAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 32A(2) Akta Racun 1952 [Akta 366] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], saya

..... dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompaun [nama OKK] [no. KP/pendaftaran syarikat OKK] bagi kesalahan yang dilakukan di bawah [peruntukan pelanggaran dan kesalahan yang dilakukan oleh OKK serta hukuman] yang dikatakan telah dilakukan pada [tarikh dan masa kesalahan berlaku] di [tempat kesalahan berlaku].

Tarikh:haribulan.....tahun.....

.....
*Pendakwa Raya /
Timbalan Pendakwa Raya*

8.3.1 Contoh Borang 1

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA RACUN 1952

PERATURAN-PERATURAN RACUN(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

KEIZINAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 32A(2) Akta Racun 1952 [Akta 366] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], saya

Nama

Timbalan Pendakwa Raya

..... dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompaun Farmasi ABC Sdn Bhd (12345-Z) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah subseksyen 9(3) Akta Racun 1952, iaitu melanggar subseksyen 9(1) Akta Racun 1952 dibaca bersama perenggan 6(d)(a) Peraturan-Peraturan Racun 1952 dan boleh dihukum di bawah subseksyen 32(2) Akta Racun 1952 yang dikatakan telah dilakukan pada 15 Januari 2024 pukul 10.15 pagi di Farmasi ABC Sdn Bhd beralamat No. 37, Jalan 17/19, 46400 Petaling Jaya dalam Daerah Petaling dalam Negeri Selangor.

Tarikh: ...5...haribulan...Mac...tahun...2024...

t.t.

.....
Timbalan Pendakwa Raya

8.4 Tawaran untuk mengkompaun kesalahan (Borang 2)

BORANG 2

[Subperaturan 3(1)]

AKTA RACUN 1952

PERATURAN-PERATURAN RACUN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

No. rujukan: [No. rujukan tawaran]
Tarikh : [Tarikh tawaran dikeluarkan]

Kementerian Kesihatan Malaysia

[Nama pejabat BPF/CPF]

[Alamat pejabat BPF/CPF]

Kepada:

[Nama OKK]

[Alama OKK]

*Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda

[nama OKK dan no. KP/no. pendaftaran syarikat OKK]
(nyatakan nama *individu/syarikat/perniagaan/badan lain)

dan anda didapati telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366]/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu dengan butir-butir seperti yang berikut:

- (a) peruntukan *Akta/peraturan-peraturan yang berkaitan:
[peruntukan kesalahan yang dilakukan]
- (b) tarikh : [Tarikh kesalahan berlaku]
- (c) masa : [Masa kesalahan berlaku]
- (d) tempat atau premis : [Tempat kesalahan berlaku]
- (e) butir-butir kesalahan** : [Deskripsi kesalahan berlaku]

2. Menurut subseksyen 32A(2) Akta Racun 1952, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM[amaun kompaun] (..... ringgit sahaja).
3. Sekiranya tawaran untuk mengkompaun ini disetuju terima, bayaran hendaklah dibuat melalui kad kredit, kad debit, kad caj atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain.
4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.
5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah bagi tempoh **tiga puluh hari bermula dari tarikh tawaran ini diterima oleh anda**.
6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda

[nama OKK dan no. KP/no. pendaftaran syarikat OKK]
(nyatakan nama *individu/syarikat/perniagaan/badan lain)

tanpa notis selanjutnya.

.....
*Ketua Pengarah Kesihatan /
Pegawai Penguat Kuasa Dadah
yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kesihatan
[Cap rasmi PDL]

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

**Nyatakan butiran dan gunakan lampiran jika perlu

MAKLUMAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai penyiasat:

[Nama IO]

[Nama pejabat BPF/CPF]

[Alamat pejabat BPF/CPF]

[Tel: no. telefon pejabat]

Tawaran ini sah sehingga [tarikh tamat tempoh sah tawaran i.e., tarikh serahan tawaran + 30 hari]

8.4.1 Contoh Borang 2

BORANG 2

[Subperaturan 3(1)]

AKTA RACUN 1952

PERATURAN-PERATURAN RACUN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

No. rujukan: TK00110-24

Tarikh : 8 Mac 2024

Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Lot 36, Jalan Professor Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya, Selangor.

Kepada:

Farmasi ABC Sdn Bhd (12345-Z)
No. 37, Jalan 17/19,
46400 Petaling Jaya, Selangor.

Tuan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda

Farmasi ABC Sdn Bhd (12345-Z)
(nyatakan nama *individu/syarikat/perniagaan/badan lain)

dan anda didapati telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366]/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta itu dengan butir-butir seperti yang berikut:

- (a) peruntukan *Akta/peraturan-peraturan yang berkaitan:
Subseksyen 9(3) Akta Racun 1952
- (b) tarikh : 15 Januari 2024
- (c) masa : 10.15 pagi
- (d) tempat atau premis : Farmasi ABC Sdn Bhd
No. 37, Jalan 17/19, 46400 Petaling Jaya.

- (e) butir-butir kesalahan** : Menyimpan lima (5) botol Bena® Expectorant yang didapati mengandungi diphenhydramine, iaitu sejenis racun yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952, dalam laci tidak berkunci yang terletak di lokasi yang tidak diasangkan dan boleh diakses oleh orang awam. Dengan itu, kamu telah melakukan satu perbuatan yang bertentangan dengan subseksyen 9(1) Akta Racun 1952 dibaca bersama perenggan 6(d)(a) Peraturan-Peraturan Racun 1952 yang menjadi satu kesalahan di bawah subseksyen 9(3) Akta Racun 1952 dan boleh dihukum di bawah subseksyen 32(2) Akta Racun 1952.
2. Menurut subseksyen 32A(2) Akta Racun 1952, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM10,000 (SEPULUH RIBU ringgit sahaja).
3. Sekiranya tawaran untuk mengkompaun ini disetuju terima, bayaran hendaklah dibuat melalui kad kredit, kad debit, kad caj atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain.
4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.
5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah bagi tempoh **tiga puluh hari bermula dari tarikh tawaran ini diterima oleh anda**.
6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda

Farmasi ABC Sdn Bhd (12345-Z)
(nyatakan nama *individu/syarikat/perniagaan/badan lain)

tanpa notis selanjutnya.

t.t.

.....
*Ketua Pengarah Kesihatan /
Pegawai Penguat Kuasa Dadah
yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kesihatan

MOHD ZAWAWI BIN ABDULLAH, RPh 2183
Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

***Nyatakan butiran dan gunakan lampiran jika perlu*

MAKLUMAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai penyiasat:

Encik Abdul Sani

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz,

46200 Petaling Jaya.

Tel: 03-78411234

Tawaran ini sah sehingga 14 April 2024

8.5 Makluman cara pembayaran kompaun

MAKLUMAN CARA PEMBAYARAN KOMPAUN

(1) Kompaun boleh dibayar dengan kaedah seperti berikut:

a) Dengan **kad kredit/kad debit/kad caj** di pejabat berikut:

[nama dan alamat pejabat yang menerima hasil secara elektronik di terminal *Point-of-Sale*]

Waktu pejabat:

[Senaraikan waktu pejabat beroperasi]

PERINGATAN:

Borang 3 yang dilengkапkan perlu dikembalikan kepada pegawai yang menerima bayaran di kaunter.

b) Secara **FPX** di [URL berkaitan]

(2) Pembayaran kompaun secara ansuran **TIDAK DIBENARKAN**.

8.6 Penyetujuterimaan tawaran untuk mengkompaun kesalahan (Borang 3)

BORANG 3

[Peraturan 4]

AKTA RACUN 1952

PERATURAN-PERATURAN RACUN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

[Nama PDL]
[Nama pejabat BPF/CPF]
[Alamat pejabat BPF/CPF]

*Tuan/Puan,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan [no. rujukan tawaran] bertarikh [tarikh tawaran dikeluarkan].

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama-sama ini bukti pembayaran melalui *kad kredit/kad debit/kad caj/pemindahan wang secara elektronik sebanyak RM[amaun kompaun yang dibayar] (..... ringgit sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan :

**Nama (*dalam huruf besar*) : [nama OKK (individu) atau nama pengarah bagi pihak OKK (syarikat)]

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport : [no. kad pengenalan OKK (individu) atau pengarah bagi pihak OKK (syarikat)]

***Untuk dan bagi pihak (*jika berkenaan*) : [nama OKK (syarikat) / 'Tidak berkenaan' bagi OKK (individu)]
(*nama *syarikat/perniagaan/badan lain*)

***No. Pendaftaran Syarikat/No. Lesen/No. Permit (*jika berkenaan*):

[no. pendaftaran syarikat bagi OKK (syarikat) / ‘Tidak berkenaan’ bagi OKK (individu)]

Alamat:

[alamat OKK (individu) atau alamat syarikat bagi OKK (syarikat)]

Tarikh : [tarikh setuju terima tawaran]

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

**Nama orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat atau nama pengarah bagi pihak syarikat/perniagaan/badan lain

***Dalam hal jika tawaran untuk mengkompaun itu dibuat kepada syarikat/perniagaan/badan lain

8.6.1 Contoh Borang 3

BORANG 3

[Peraturan 4]

AKTA RACUN 1952

PERATURAN-PERATURAN RACUN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2023

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

Encik Mohd Zawawi bin Abdullah
Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya.

*Tuan/Puan,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan TK00110-24 bertarikh 8 Mac 2024.

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama-sama ini bukti pembayaran melalui *kad kredit/kad debit/kad caj/pemindahan wang secara elektronik sebanyak RM 10,000 (SEPULUH RIBU ringgit sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan : t.t.

**Nama (*dalam huruf besar*) : AHMAD BIN MUHD DAUD

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport : xxxxxx-xx-xxxx

***Untuk dan bagi pihak (*jika berkenaan*) : Farmasi ABC Sdn Bhd

(*nama *syarikat/periagaan/badan lain*)

***No. Pendaftaran Syarikat/No. Lesen/No. Permit (*jika berkenaan*):

12345-Z

Alamat:

No. 37, Jalan 17/19, 46400 Petaling Jaya.

Tarikh : 30 Mac 2024

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

***Nama orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat atau nama pengarah bagi pihak syarikat/perniagaan/badan lain*

****Dalam hal jika tawaran untuk mengkompaun itu dibuat kepada syarikat/perniagaan/badan lain*

8.7 Pengakuan penerimaan Borang 2

PENGAKUAN PENERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN (BORANG 2)

Saya No. KP mengaku menerima Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan (Borang 2) yang ditujukan kepada *saya/.....
(nyatakan nama orang kena kompaun)
dengan no. rujukan bertarikh dan Penyetujuterimaan Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan (Borang 3) daripada pada jam

.....
(TT Pegawai Penyerah)

.....
(TT Penerima Tawaran Kompaun)

No. Telefon:

**Potong jika tidak berkenaan*

8.8 Contoh borang akuan penyampaian Borang 2

8.8.1 OKK atau individu bagi pihak OKK tidak dijumpai

BORANG AKUAN

[AKTA AKUAN BERKANUN 1960]

Saya, [nama dan no. KP pegawai], seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat tempat kerja di [nama dan alamat pejabat] dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa: -

- (1) Bahawa saya telah pada [tarikh dan masa] pergi ke alamat terakhir yang diketahui bagi Orang Kena Kompaun (OKK), [nama dan no. KP OKK individu] di [alamat yang dilawati] untuk menyampaikan Borang 2 Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan dengan no. rujukan [no. rujukan tawaran] bertarikh [tarikh tawaran dikeluarkan] ("Borang 2") dan Borang 3 Penyetujuterimaan Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan ("Borang 3") kepada OKK.

atau

Bahawa saya telah pada [tarikh dan masa] pergi ke [alamat yang dilawati] untuk menyampaikan Borang 2 Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan dengan no. rujukan [no. rujukan tawaran] bertarikh [tarikh tawaran dikeluarkan] ("Borang 2") dan Borang 3 Penyetujuterimaan Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan ("Borang 3") kepada [nama dan no. KP bagi pengarah/setiausaha/pekerja OKK syarikat], iaitu *pengarah/setiausaha/ pekerja bagi Orang Kena Kompaun (OKK), [nama dan no pendaftaran OKK syarikat].

- (2) Saya telah berusaha untuk mencari [nama OKK individu atau *pengarah/setiausaha/pekerja OKK syarikat] untuk menyampaikan Borang 2 tetapi gagal menjumpai beliau:
 - (a) [Nyatakan usaha carian yang dibuat seperti tarikh, masa dan alamat yang dilawati];
 - (b)
- (3) Setelah itu, saya telah menampalkan sesalinan Borang 2 dan sesalinan Borang 3 di [deskripsi lokasi].
- (4) Saya juga telah mengambil gambar sebagai bukti saya tampil Borang 2 dan Borang 3 di premis tersebut;
- (5) Sesalinan Borang 2 dilampirkan bersama ini dan ditandakan sebagai ekhibit "A";
- (6) Sesalinan Borang 3 dilampirkan bersama ini dan ditandakan sebagai ekhibit "B";

- (7) [kuantiti] keping gambar yang menunjukkan Borang 2 dan Borang 3 yang saya tampal di [deskripsi lokasi] dilampirkan bersama ini dan ditandakan sebagai ekshibit "C1 hingga C?";

dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya
diakui oleh yang tersebut namanya di
atas [nama pegawai] di [nama dan
alamat pejabat] di dalam Negeri
..... pada
..... haribulan....., tahun.....

Di hadapan saya,

.....
(Pesuruhjaya Sumpah)

*Pilih yang berkenaan

PERAKUAN MENGENAL PASTI EKSHIBIT

Saya, dengan ini mengakui bahawa ekshibit berikut bertanda "A" yang dirujuk dalam Borang Akuan [nama dan no. KP pegawai yang membuat akuan] telah diikrarkan di hadapan saya padaharibulan....., tahun.....

Pesuruhjaya Sumpah

Nota:

Perakuan ini perlu disediakan untuk setiap ekshibit yang dilampirkan bersama akuan bersumpah yang dibuat.

8.8.2 OKK atau individu bagi pihak OKK enggan terima Borang 2

BORANG AKUAN

[AKTA AKUAN BERKANUN 1960]

Saya, [nama dan no. KP pegawai], seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat tempat kerja di [nama dan alamat pejabat] dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa: -

- (1) Bahawa saya telah pada [tarikh dan masa] pergi ke alamat terakhir yang diketahui bagi Orang Kena Kompaun (OKK), [nama dan no. KP OKK individu] di [alamat yang dilawati] untuk menyampaikan Borang 2 Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan dengan no. rujukan [no. rujukan tawaran] bertarikh [tarikh tawaran dikeluarkan] ("Borang 2") dan Borang 3 Penyetujuterimaan Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan ("Borang 3") kepada OKK.

atau

Bahawa saya telah pada [tarikh dan masa] pergi ke [alamat yang dilawati] untuk menyampaikan Borang 2 Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan dengan no. rujukan [no. rujukan tawaran] bertarikh [tarikh tawaran dikeluarkan] ("Borang 2") dan Borang 3 Penyetujuterimaan Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan ("Borang 3") kepada [nama dan no. KP bagi pengarah/setiausaha/pekerja OKK syarikat], iaitu *pengarah/setiausaha/pekerja bagi Orang Kena Kompaun (OKK), [nama dan no pendaftaran OKK syarikat].

- (2) [deskripsi keadaan sekiranya tawaran enggan diterima] (Contoh: Saya telah berjumpa dengan [nama OKK individu atau *pengarah/setiausaha/pekerja OKK syarikat] tetapi beliau enggan menerima Borang 2 dan Borang 3 yang diserahkan.)
- (3) Setelah itu, saya telah meninggalkan Borang 2 dan Borang 3 di [deskripsi lokasi] dan menerangkan kandungan Borang 2 serta tujuan penyampaian Borang 2 kepada [nama OKK individu atau *pengarah/setiausaha/pekerja OKK syarikat].
- (4) Saya juga telah mengambil gambar sebagai bukti saya tinggal Borang 2 dan Borang 3 di premis tersebut.
- (5) Sesalinan Borang 2 dilampirkan bersama ini dan ditandakan sebagai ekshibit "A";
- (6) Sesalinan Borang 3 dilampirkan bersama ini dan ditandakan sebagai ekshibit "B";

- (7) [kuantiti] keping gambar yang menunjukkan Borang 2 dan Borang 3 yang saya tinggal di [deskripsi lokasi] dilampirkan bersama ini dan ditandakan sebagai ekshibit "C1 hingga C?";

dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya
diakui oleh yang tersebut namanya di
atas [nama pegawai] di [nama dan
alamat pejabat] di dalam Negeri
..... pada
..... haribulan....., tahun.....

Di hadapan saya,

.....
(Pesuruhjaya Sumpah)

**Pilih yang berkenaan*

PERAKUAN MENGENAL PASTI EKSHIBIT

Saya, dengan ini mengakui bahawa ekshibit berikut bertanda "A" yang dirujuk dalam Borang Akuan [nama dan no. KP pegawai yang membuat akuan] telah diikrarkan di hadapan saya padaharibulan....., tahun.....

Pesuruhjaya Sumpah

Nota:

Perakuan ini perlu disediakan untuk setiap ekshibit yang dilampirkan bersama akuan bersumpah yang dibuat.

8.9 Surat pemberitahuan keputusan rayuan kompaun (kelulusan)

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN RAYUAN KOMPAUN BAGI TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN [No. rujukan tawaran]

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat rayuan tuan/puan bertarikh dirujuk.

2. Untuk makluman, rayuan tuan/puan diluluskan dan tempoh bayaran kompaun tuan/puan dilanjutkan selama 30 hari. Dengan ini, tempoh bayaran kompaun tuan/puan dilanjutkan ke [tarikh bayaran kompaun yang baharu].
3. Keputusan ini adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan selepas ini tidak akan dipertimbangkan.
4. Sekiranya pihak tuan/puan gagal untuk menjelaskan bayaran kompaun dalam tempoh yang ditetapkan, proses pendakwaan di mahkamah akan diambil terhadap tuan/puan tanpa notis selanjutnya.
5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai penyiasat, [nama pegawai penyiasat], di talian [no. telefon pejabat pegawai penyiasat] atau melalui e-mel [alamat e-mel rasmi pegawai penyiasat].

Perhatian dan tindakan segera daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri

8.10 Surat pemberitahuan keputusan rayuan kompaun (penolakan)

.....
.....

Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN RAYUAN KOMPAUN BAGI TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN [No. rujukan tawaran]

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat rayuan tuan/puan bertarikh dirujuk.

2. Untuk makluman, rayuan berserta alasan yang dikemukakan telah diteliti dan dipertimbangkan. Dukacita dimaklumkan bahawa rayuan tersebut adalah **DITOLAK** dan *amaun kompaun sebanyak RM..... adalah dikenakan/bayaran kompaun hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya pada [tarikh bayaran kompaun yang ditetapkan].

3. Keputusan ini adalah **MUKTAMAD** dan sebarang rayuan selepas ini tidak akan dipertimbangkan.

4. Sehubungan itu, tuan adalah dikehendaki untuk menjelaskan bayaran kompaun sebelum [tarikh bayaran kompaun perlu dijelaskan]. Sekiranya pihak tuan/puan gagal untuk menjelaskan bayaran kompaun dalam tempoh yang ditetapkan, proses pendakwaan di mahkamah akan diambil terhadap tuan/puan tanpa notis selanjutnya.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai penyiasat, [nama pegawai penyiasat], di talian [no. telefon pejabat pegawai penyiasat] atau melalui e-mel [alamat e-mel rasmi pegawai penyiasat].

Perhatian dan tindakan segera daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)

Bahagian Perkhidmatan Farmasi

Jabatan Kesihatan Negeri

*Pilih yang berkenaan